

3.4.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

SUNGAI PERAK: SUMBER AIR MENTAH MASA HADAPAN TERBAIK BAGI PULAU PINANG DAN PERAK UTARA

- **Sungai Perak kurang digunakan sebagai sumber air mentah.**
- **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) akan membawa kepada jaminan air di Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Tahun 2050.**
- **Rawatan konvensional untuk air sungai adalah pilihan paling berkesan untuk bekalan air, dan akan memberi impak paling rendah kepada tarif air.**

PULAU PINANG, Rabu, 3.4.2019: Pulau Pinang memohon pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) kerana ia merupakan pilihan yang paling logik, rasional dan ekonomi untuk mencapai jaminan bekalan air di Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Tahun 2050.

Ketika ini, Sungai Perak adalah pilihan terbaik untuk Pulau Pinang kerana 6 alasan berikut:

1. Sumber air mentah yang sedia ada yang tidak digunakan sepenuhnya.
2. Ia merupakan sumber air mentah yang boleh dimanfaatkan 2 negeri: Perak and Penang.
3. SPRWTS yang dicadangkan adalah projek penyaluran air mentah antara negeri. Apabila Pulau Pinang berhijrah ke Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Negara (NWSRI) pada tahun 2011, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk membiayai dan melaksanakan projek sumber air mentah untuk Pulau Pinang.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



4. Kos membina loji rawatan air konvensional di Pulau Pinang untuk merawat air mentah yang disalurkan dari Sungai Perak jauh lebih rendah daripada kos membina loji penyahgaraman untuk kapasiti yang sama.
5. Mengendalikan sistem rawatan air sungai konvensional adalah lebih cekap kos daripada kitar semula atau air desalin. proses penyahgaraman berskala besar dan osmosis songsang (atau penurasan ultra) juga lebih berintensif tenaga dan kos intensif.

Kos operasi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memberi kesan kepada tarif air Pulau Pinang.

Harap maklum bahawa purata tarif semasa Pulau Pinang bagi penggunaan domestik 35,000 liter sebulan adalah RM0.32 setiap 1,000 liter.

Di Singapura, teknologi penyahgaraman dan kitar semula air dilaksanakan seiring dengan operasi rawatan air konvensional. Harga air penggunaan domestik 35,000 liter pertama di Singapura kini bernilai RM7.44 (SGD2.47) bagi setiap 1,000 liter, dengan cukai pemuliharaan air dan caj air terpakai.

6. Kitar semula air dan penuaian air hujan memerlukan infrastruktur tambahan khusus, termasuk rangkaian saluran paip berasingan untuk menyalurkan air mentah dan/atau mengagihkan air yang diproses.

Berdasarkan faktor-faktor utama ini, PBAPP akan terus berusaha untuk pelaksanaan SPRWTS untuk manfaat jangka panjang Pulau Pinang menjelang tahun 2050. Kementerian Sumber Air dan Sumber Asli (KATS) yang baru telah menyatakan kesanggupannya untuk campur tangan dan membantu menyegerakan pelaksanaannya.

SPRWTS telah dicadangkan selepas kajian pelan induk bebas

Pada tahun 2009, PBAPP telah mentauliahkan “Kajian Pelan Induk untuk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang sehingga Tahun 2050”. Kajian ini mengunjurkan permintaan air terawat di Pulau Pinang menjadi 1,483 juta liter sehari (MLD) menjelang 2030; 1,696 MLD menjelang 2040 dan 1,884 MLD menjelang 2050.



Oleh itu, kajian itu mencadangkan SPRWTS sebagai penyelesaian yang boleh menyalurkan 1,000 MLD air mentah ke Pulau Pinang dalam 4 fasa sehingga tahun 2050. Oleh kerana potensi volum hasil, SPRWTS dengan sendirinya boleh memastikan jaminan bekalan air untuk Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga tahun 2050.

Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP telah berusaha untuk memanfaatkan Sungai Perak sebagai sumber air mentah kedua atau alternatif bagi Pulau Pinang sejak tahun 2011.

Selain memenuhi jangkaan permintaan air, SPRWTS juga akan mengurangkan risiko kebergantungan kepada Sungai Muda oleh Pulau Pinang sebagai sumber air mentah, terutama ketika musim kemarau.

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sebelum ini gagal melaksanakan SPRWTS dalam tempoh 2012 – 2018.

Berikutan pertemuan dengan KATS pada 1.3.2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP mengharapkan penyelesaian untuk pelaksanaan penyaluran air mentah Sungai Perak antara negeri tidak lama lagi.

Sekiranya objektif utama adalah untuk memastikan jaminan bekalan air di Pulau Pinang sehingga Tahun 2050, Sungai Perak merupakan penyelesaian terbaik untuk 30 tahun akan datang.

Pembekalan air yang baik dan berterusan, 24/7, telah menjadi unsur penting tetapi kurang jelas dalam kisah kejayaan Pulau Pinang pada masa lalu. Ia akan menjadi elemen penting bagi kejayaan Pulau Pinang pada masa akan datang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Kominikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my